

# Pelaksanaan OCC perlu adil, saksama terhadap agensi takaful

**Hishammuddin Abd Aziz,**  
Pengerusi PERWATAM

**Persatuan Wakil Takaful Am Muslim (PERWATAM)** berpendapat keputusan terbaru Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung Kawalan Kos Operasi (OCC) ke atas perniagaan takaful am dan insurans am mulai 1 Disember lalu menjelaskan keberkesanan operasi dan urus tadbir pejabat agensi pada masa akan datang.

Namun, perlu diingatkan perkhidmatan konsultansi berkaitan pengurusan risiko (takaful dan insurans) adalah perniagaan interaksi unik yang memerlukan wakil berinteraksi dan berhadapan dengan pelanggan demi menjamin kualiti pemahaman sesuatu produk dengan lebih berkesan.

Justeru, keadaan ini membabitkan kos operasi yang sangat tinggi dengan kos pengurusan di pejabat agensi, staf pentadbiran pejabat dan pelbagai utiliti.

Jika pelaksanaan pergerakan kos ini dilaksanakan, satu titik kewajaran mesti dicapai supaya BNM dapat memastikan kos operasi dan insentif bersifat kewangan, bukan kewangan, peralatan teknologi maklumat (IT) dan insentif lain diberi-

kan demi menjamin keberkesanan tadbir urus syarikat supaya pengguna mendapat kepuasan produk dan pemahaman maksimum.

Hampir 60 peratus wakil takaful am dan insurans am mempunyai pejabat agensi sendiri per-

lu membayar gaji pekerja serta kos lain seperti pemasaran, bil elektrik dan bil internet.

Jika sekadar layak memperoleh hanya 10 peratus komisen saja, maka ini sangat menyukarkan wakil takaful am untuk membayar kos tetap setiap bulan.

Saya berharap pelaksanaan OCC oleh BNM lebih bersifat adil, berimbang dan saksama terhadap wakil takaful dan insurans, tidak terhad kepada syarikat pengendali operasi saja.

Pertumbuhan positif ekonomi dan sektor kewangan negara dibantu secara intensif dan eksklusif lebih 30,000 wakil takaful am dan insurans am berdaftar seperti dilaporkan Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM).

Maka, penilaian manfaat saksama terhadap ejen takaful dan insurans perlu diberi perhatian. PERWATAM berharap BNM dapat longgarkan sedikit peraturan ke atas kawalan kos operasi perniagaan wakil takaful am seperti sebelum ini.

PERWATAM juga memohon insentif bulanan dan insentif tahunan diadakan semula oleh semua syarikat takaful dengan kelulusan BNM.

 Maka, penilaian manfaat saksama terhadap ejen takaful dan insurans perlu diberi perhatian. PERWATAM berharap BNM dapat longgarkan sedikit peraturan ke atas kawalan kos operasi perniagaan wakil takaful am seperti sebelum ini 